

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 OKTOBER 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

### Program eCC erat hubungan ibu bapa dan komuniti

## Program eCC erat hubungan ibu bapa dan komuniti

**ALOR SETAR** - Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dengan kerjasama Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS) UiTM telah mengadakan Program empower Community Connect (eCC) di bawah Projek empowerNCER-Akademik 2022 bersama ibu bapa calon Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM).

Program yang bermula pada 24 September lalu itu, dianjurkan di 24 buah sekolah di lima kawasan negeri Kedah iaitu Pokok Sena, Padang Terap, Kubang Pasu, Kulim dan Bandar Baharu.

Ketua Eksekutif NCIA, Mohamad Haris Kader Sultan berkata, Program eCC bertujuan untuk mengeratkan hubungan di antara ibu bapa pelajar dengan pegawai-pegawai terlibat.

Menurutnya, bakul sumbangan berupa barangan runcit dan keperluan harian turut diagihkan bagi meringankan beban keluarga masing-masing.

"Ibu bapa turut diberi pendedahan tentang hala tuju anak-anak selepas menduduki SPM sebagai persediaan untuk mereka menjadi mahasiswa di Institut Pendidikan Tinggi (IPT)," ujarnya.

Jelasnya, Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) di bawah UiTM ini bersesuaian dengan kriteria pelajar dan selari dengan objektif utama Projek ini untuk membasmi kemiskinan melalui pendidikan.

Menurut Mohamad Haris, sejak program ini dilaksanakan bermula 2019, peratus kelulusan yang dicapai amat membanggakan iaitu 97.7 peratus pada 2020 dan 93.9 peratus pada 2021 dengan 82 peratus pelajar berjaya melanjutkan pelajaran ke IPT dan bidang kemahiran.

Sementara itu, Pengetua SMK Lubok Merbau, Asri Said menyifatkan Program empowerNCER-Akademik ini akan memberi impak besar dalam kemenjadian pelajar hasil sokongan padu ibu bapa.



Sumbangan bakul makanan kepada ibu bapa pelajar SMK Kuala Nerang.